

23 JUN 1998

Indonesia-Tenaga

INDONESIA JANJI HANYA HANTAR TENAGA KERJA MAHIR KE MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Indonesia hari ini memberi jaminan yang ia akan hanya menghantar pekerja mahir dan separuh mahir bagi keperluan dalam sektor-sektor seperti pembinaan dan industri di Malaysia.

Menteri Tenaga Manusia Indonesia Fahmi Idris berkata, Indonesia juga akan merombak sistem latihan di 155 pusat latihan vokasional di seluruh Indonesia bagi menyediakan latihan mahir bagi warganya sebelum dihantar ke Malaysia untuk bekerja.

"Indonesia tidak mahu lagi menghantar pekerja dalam bidang seperti pembantu rumah dan yang tidak mahir seperti sekarang," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Turut hadir dalam pertemuan itu ialah Menteri Koperasi dan Usahawan Kecil dan Sederhana, Adi Sasono.

Fahmi berkata Malaysia masih memerlukan kira-kira 46,000 tenaga kerja terlatih dan separuh mahir seperti juruteknik dan juru kimpal dalam sektor-sektor seperti pembinaan dan industri.

Katanya, dalam pertemuannya dengan Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir pagi ini, beliau dimaklumkan bahawa Malaysia masih memerlukan bilangan pekerja seramai itu walaupun dalam kegawatan ekonomi sekarang ini.

Fahmi berkata dalam penghantaran tenaga kerja ke Malaysia, beberapa hal patut diselesaikan seperti perubahan struktur dan mekanisma penghantaran pekerja untuk kebaikan bersama.

"Sebagai contoh, agensi pengamblian pekerja di sini tidak diperlukan, malah majikan boleh mendapatkan tenaga kerja Indonesia dengan pergi terus ke sana atau menerusi agensi di Indonesia. Ini adalah prinsip baru yang akan dilaksanakan," katanya.

Sementara itu Adi pula berkata tujuan lawatan mereka ke sini bertujuan menarik pelabur Malaysia untuk melabur modal di negara itu terutamanya dalam bidang berasaskan pertanian, perikanan dan industri.

Indonesia juga membenarkan pelabur Malaysia yang mempunyai kepakaran dan pengalaman tetapi kekurangan modal melabur secara usahasama dengan pelabur dari negara asing termasuk barat bagi membuka perniagaan di Indonesia

Cadangan Indonesia itu adalah antara yang dikemukakan dalam pertemuan mereka dengan Dr Mahathir dan juga dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengenai perdagangan serantau menggunakan mata wang negara serantau, Adi berkata Indonesia bersetuju menggunakan mata wang rupiah dalam perdagangan serantau.

Kesediaan Indonesia itu berasaskan amalan dan komitmen yang diberikan Malaysia dan beberapa negara serantau untuk menggunakan mata wang masing-masing dalam perdagangan serantau yang dianggap mampu mencapai kejayaan.

Beliau berkata, Anwar menyambut baik keputusan kerajaan Indonesia itu dan beliau (Anwar) bersetuju mengirimi surat kepada rakan sejawatannya dari Indonesia supaya perbincangan segera diadakan bagi mengwujudkan "clearing house" oleh bank pusat kedua-dua negara bagi mempercepatkan proses penggunaan mata wang itu.

Mengenai pertemuan dengan Dr Mahathir, Adi berkata mereka membincangkan betapa pentingnya kedua-dua negara mengukuhkan hubungan dalam menghadapi

cabaran baru khususnya dalam bidang ekonomi.

-- BERNAMA

ARA PR